



**PANDUAN PENGIKLANAN
SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

1 JANUARI 2022

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 PENDAHULUAN	3
2.0 LATAR BELAKANG	3
3.0 TUJUAN	3
4.0 TAFSIRAN	4
5.0 SENARAI RINGKASAN	5
6.0 TATACARA PENGIKLANAN	5
6.1 Kriteria Rekabentuk Iklan	
6.2 Penyiaran iklan	
7.0 LARANGAN KE ATAS PENGIKLANAN	8
8.0 KESALAHAN DAN PENALTI	9
9.0 TARIKH KUATKUASA	10

PANDUAN PENGIKLANAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)

1.0 PENDAHULUAN

Panduan Permohonan Pengiklanan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) (selepas ini dirujuk sebagai “Panduan ini”) bertujuan menetapkan kriteria pengiklanan kepada semua pusat bertauliah bagi penyiaran sesuatu iklan. Panduan ini dibangunkan untuk memenuhi keperluan dan apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 28 AKTA Pembangunan Kemahiran 2006 (Akta 652).

2.0 LATAR BELAKANG

Penyiaran sesuatu iklan menerusi media cetak, media elektronik dan apa-apa media lain hendaklah mengandungi maklumat yang tepat, benar, jelas, terkini dan boleh dibuktikan. Adalah menjadi tanggungjawab pusat bertauliah memastikan semua tatacara pengiklanan dipatuhi sebelum penyiaran iklan dilakukan bagi mengelakkan iklan mengandungi pernyataan yang mengelirukan atau tidak boleh dibuktikan.

3.0 TUJUAN

Panduan ini disediakan bagi membantu Pusat Bertauliah menyediakan iklan mengikut peruntukan berkaitan pengiklanan di bawah seksyen 54 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652).

Objektif Panduan ini adalah:

- 3.1 Untuk memastikan iklan yang disiarkan oleh pusat bertauliah melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB), Sistem Latihan Dual

Nasional (SLDN) dan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) menepati keperluan dan apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 28; dan

- 3.2 Memberi kesedaran dan tanggungjawab kepada Pusat Bertauliah tentang kepentingan penyampaian maklumat yang jelas, tepat dan benar berhubung program bertauliah kepada orang awam.

4.0 TAFSIRAN

Dalam panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“iklan” ertinya apa-apa siaran, surat pekeliling, notis atau apa-apa komunikasi lisan atau bertulis, sama ada disiarkan melalui perantara elektronik atau apa-apa media lain, atau apa-apa pameran di atas apa-apa papan tanda atau binaan, struktur atau peralatan lain, atau apa-apa bentuk komunikasi elektronik kepada orang awam bagi maksud mempromosikan sesuatu penyedia latihan kemahiran atau program latihan;

“Ketua Pengarah” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah seksyen 17 Akta 652;

“pentauliahan” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“pentadbir induk” ertinya sebuah organisasi yang dikenali sebagai ibu pejabat bagi tujuan mengawal selia cawangan-cawangan yang ditauliahkan oleh JPK;

“penyedia latihan kemahiran” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak Standard berkaitan;

“program bertauliah” ertinya program latihan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah;

“pusat bertauliah” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

“SLaPB” ertinya sistem latihan yang dilaksanakan sepenuhnya di satu-satu Pusat Bertauliah;

“SLDN” ertinya konsep latihan kemahiran berorientasikan industri melibatkan dua situasi pembelajaran, iaitu 70% hingga 80% latihan praktikal di Syarikat dan 20% hingga 30% latihan teori di Pusat Latihan;

“syarikat pemilik PB” ertinya syarikat yang memiliki pemilikan saham terhadap pusat bertauliah yang berdaftar dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

5.0 SENARAI RINGKASAN

JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
PB	-	Pusat Bertauliah
PPT	-	Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
SLaPB	-	Sistem Latihan Program Bertauliah
SLDN	-	Sistem Latihan Dual Nasional
SPKM	-	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia

6.0 TATACARA PENGIKLANAN

Iklan hendaklah memenuhi tatacara pengiklanan dan maklumat program bertauliah yang diiklankan hendaklah masih dalam tempoh pentauliahan.

6.1 Kriteria Rekabentuk Iklan

6.1.1 Sesuatu iklan yang dikeluarkan oleh pusat bertauliah hendaklah mengandungi butiran yang berikut:

- a. nama dan nombor pendaftaran syarikat pemilik;

- b. nama dan kod pusat bertauliah;
- c. nama dan kod program bertauliah;
- d. alamat premis, nombor telefon dan emel;
- e. sekiranya nama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) digunakan dalam iklan tersebut, saiz nama JPK hendaklah berskala 1:2 dengan nama pusat bertauliah (PB); dan
- f. apa-apa maklumat lain yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah.

6.1.2 Butiran dalam rekabentuk iklan hendaklah disiarkan dalam apa-apa media secara serentak atau berasingan berdasarkan jenis media yang digunakan. Contoh, papan tanda hanya memaparkan butiran yang terhad dan Pusat Bertauliah hendaklah menyiarkan lain-lain butiran di tempat yang mudah diakses oleh orang awam sama ada dalam bentuk bahan elektronik atau bahan bercetak bagi tujuan mempromosi pusat bertauliah atau program bertauliah.

6.1.3 Penggunaan logo yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- a. logo PB dibenar untuk digunakan;
- b. logo JPK sekiranya digunakan pada iklan, saiznya hendaklah lebih kecil daripada logo PB;
- c. logo JPK telah didaftarkan dan diberikan Sijil Pendaftaran Cap Dagangan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di bawah Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan Cap Dagangan 1997. JPK secara rasminya mempunyai hak eksklusif terhadap logo JPK dan berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap sebarang penggunaan logo JPK tanpa kebenaran bertulis daripada pihak JPK;
- d. sekiranya rekabentuk iklan melibatkan rakan kerjasama dalam atau luar negara, logo PB hendaklah lebih besar daripada logo rakan kerjasama tersebut;
- e. mana-mana iklan yang dikeluarkan oleh PB yang mengandungi logo dan maklumat rakan kerjasama

hendaklah telah mendapat kelulusan daripada agensi berkenaan. JPK tidak bertanggungjawab terhadap penggunaan logo atau sebarang maklumat yang tidak mendapat kelulusan daripada agensi tersebut;

- f. logo *SkillsMalaysia* hanya dibenarkan bagi tujuan mempromosikan latihan kemahiran;
- g. logo SLDN hanya dibenarkan bagi tujuan mempromosikan latihan kemahiran untuk PB SLDN sahaja; dan
- h. penggunaan logo bagi perkara b., f. dan g. hendaklah mengikut spesifikasi yang ditetapkan jabatan dan boleh dimuat turun melalui laman sesawang JPK (www.dsd.gov.my).

6.1.4 Penggunaan bahasa dalam sesuatu iklan adalah seperti berikut:

- a. iklan hendaklah menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa utama; dan
- b. jika bahasa lain digunakan bersama-sama dengan Bahasa Kebangsaan dalam iklan, saiz perkataan dalam Bahasa Kebangsaan hendaklah berskala 2:1 daripada perkataan dalam bahasa lain itu.

6.2 **Penyiaran Iklan**

Pusat bertauliah hendaklah memastikan semua perkara berikut dipatuhi sebelum menyiarkan sesuatu iklan:

- a. rekabentuk iklan memenuhi semua kriteria yang ditetapkan;
- b. nama dan kod program bertauliah hendaklah seperti yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;
- c. iklan tidak mengandungi pernyataan yang mendiskriminasikan kaum, agama dan jantina;
- d. iklan hendaklah mengandungi maklumat benar, tidak menyinggung perasaan atau mengelirukan; dan

- e. iklan yang dikeluarkan oleh pentadbir induk/syarikat pemilik PB, hendaklah menyatakan nama dan kod program bertauliah serta premis program tersebut ditauliahkan.
- 6.3 Bagi tujuan promosi SPKM untuk perkara selain yang dinyatakan pada perkara 6.1 dan 6.2, permohonan bolehlah dikemukakan terus kepada Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran untuk pertimbangan kelulusan.

7.0 LARANGAN KE ATAS PENGIKLANAN

- 7.1 Sesuatu pusat bertauliah, personel pentaualiahan atau mana-mana orang dilarang daripada melakukan mana-mana perkara yang berikut:
- a. menggunakan nama atau apa-apa yang menggambarkan identiti JPK pada kad perniagaan dan kepala surat;
 - b. mengiklankan program latihan yang belum mendapat pentaualiahan;
 - c. mengiklankan program latihan yang telah tamat tempoh pentaualiahan; dan
 - d. mengiklankan program bertauliah dalam tindakan penggantungan sijil pentaualiahan.
- 7.2 Sebarang pengakuan terhadap mana-mana pernyataan dan perbandingan berkaitan maklumat PB yang diiklankan hendaklah boleh dibuktikan;
- a. rujukan tidak boleh dibuat terhadap mana-mana pernyataan, data dan statistik melainkan kelulusan telah diperolehi daripada pihak berkuasa atau mana-mana agensi berkaitan;
 - b. pengiklanan yang dibuat tidak boleh menyatakan sebarang jaminan yang tidak sah, boleh menyalahgunakan kepercayaan atau mengeksploitasi pengetahuan atau pengalaman pengguna. (Contohnya “Dijamin 100% mendapat pembiayaan latihan penaja”, “Jaminan 100% mendapat pekerjaan “atau “Pusat Bertauliah bertaraf 5 bintang”);

- c. PB tidak boleh secara langsung atau tidak langsung memburuk-burukkan (*discredit*), memperkecilkan atau mengkritik mana-mana institusi atau pihak lain dalam iklan yang dikeluarkan;
- d. PB tidak boleh membuat pengakuan dan perbandingan dengan PB lain yang boleh mengelirukan. Antaranya termasuk aspek yang berikut;
 - i. yuran pengajian;
 - ii. personel;
 - iii. prestasi pelatih;
 - iv. agensi kerjasama
 - v. kemudahan latihan dan lain-lain.
- e. PB tidak boleh menggunakan tokoh-tokoh kenamaan/professional/ikon tanpa kebenaran untuk menyokong pengakuan pengiklanan atau pengesahan (*endorsement*) bagi mengelakkan kekeliruan; dan
- f. iklan tidak boleh mengandungi pernyataan atau persembahan visual yang bertentangan dengan nilai dan budaya masyarakat Malaysia. PB juga tidak boleh membuat pernyataan yang mendiskriminasikan mana-mana kaum, agama dan jantina.

7.3 Sebarang pengakuan yang tidak benar, palsu dan mengelirukan boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 54 (1) AKTA 652.

8.0 KESALAHAN DAN PENALTI

Mana-mana orang atau PB yang melanggar peruntukan AKTA 652 boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

- 8.1 Subseksyen 53(1) dan 53(2) berkenaan larangan ke atas pengiklanan, apabila disabitkan bersalah boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
- 8.2 Subseksyen 54 (1) berkenaan kawalan pengiklanan, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

8.3 Perenggan 72(2)(e), apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

9.0 TARIKH KUATKUASA

Panduan Pengiklanan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia ini mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2022.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

1 JANUARI 2022